WONG SWEE YEE

lwn.

PENDAKWA RAYA

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
DATO' ABDUL AZIZ BIN MOHAMAD H.
[RAYUAN JENAYAH NO. 42-46-1992]
30 OGOS 1994

PROSEDUR JENAYAH: Bon jaminan - Tuduhan mengedar wang asing palsu - Kanun Keseksaan s. 489B - Tertuduh gagal menghadirkan diri - Penguatkuasaan penalti bon - Samada dengan sendirinya bon jaminan terlucuthak - Samada wujud sebab mengapa penalti bon tidak sepatutnya dibayar - Samada amaun penalti bon patut dihapuskan sebahagiannya - Kanun Prosedur Jenayah s. 404(1)(b) & (5).

Perayu dalam kes ini telah diperintah oleh Mahkamah Sesyen supaya membayar RM 80,000 sebagai penalti bon bagi satu bon jaminan yang ditandatangani oleh perayu bagi menjamin kehadiran seorang rakyat Singapura yang dituduh di bawah s. 489B Kanun Keseksaan kerana mengedar wang kertas palsu Amerika Syarikat. Fakta kes menunjukkan bahawa tertuduh telah hadir pada setiap kali kesnya ditangguh sehinggalah 4 Jun 1992 di mana tertuduh gagal menghadirkan diri walaupun telah diberitahu oleh Peguamnya untuk hadir.

Dalam prosiding terhadap perayu untuk memberi sebab ketidakhadiran tertuduh, perayu memberitahu Mahkamah bahawa tertuduh adalah abang kepada abang ipar perayu dan tinggal di Singapura sementara perayu sendiri tinggal di Kuala Lumpur tetapi bekerja di Singapura. Perayu menambah bahawa sebelum tarikh 4 Jun 1992 beliau telah empat kali pergi ke rumah perayu tetapi gagal menemui perayu kerana perayu telah pergi ke outstation tanpa meninggalkan alamat perhubungan. Perayu juga cuba membuat laporan polis di Singapura tentang kehilangan tertuduh dan dua minggu selepas tertuduh gagal hadir di Mahkamah perayu telah memasukkan iklan di dalam Singapore Starits Times untuk mengesan tertuduh. Kesemua usaha-usaha ini gagal untuk menemui tertuduh.

Hakim Mahkamah Sesyen memutuskan bahawa perayu tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk mencari tertuduh dan kerana itu mendapati perayu gagal menunjukkan sebab mengapa penalti bon berkenaan tidak patut dibayar ataupun patut dihapuskan sebahagiannya, dan dengan sebab itu, memerintahkan keseluruhan amaun bon jaminan dibayar oleh perayu. Perayu merayu dan persoalan yang timbul ialah samada dalam halkeaadan kes dan mengambilkira peruntukan undang-undang yang berkenaan dalam Kanun Prosedur Jenayah (KPJ), keputusan Hakim Sesyen tersebut patut dikekalkan.

Diputuskan:

[1] Bon jaminan bagi kehadiran seseorang tertuduh di Mahkamah adalah sejenis perjanjian di mana penjamin menjamin bahawa tertuduh akan hadir di Mahkamah pada bila-bila masa dia dikehendakki berbuat demikian oleh Mahkamah. Penjamin adalah mengikat dirinya akan melucuthak kepada kerajaan amaun bon itu jika tertuduh gagal hadir dan tanggungan lucuthak tersebut adalah tanpa syarat, batasan atau kualifikasi. Dengan kata lain, asalkan tertuduh gagal hadir tanpa sebab yang sah keseluruhan amaun bon itu menjadi lucuthak dan tidak menjadi syarat perjanjian itu bahawa tanggungan lucuthak amaun bon itu bergantung kepada sejauh manakah penjamin telah berusaha untuk memastikan kehadiran tertuduh.

[2] Berdasarkan peruntukan s. 404(i)(b) KPJ penguatkuasaan bon jaminan melibatkan dua peringkat. Pertama Mahkamah mestilah berpuashati bahawa ada bukti bon itu telah lucuthak dan ini akan terjadi apabila sahaja tertuduh gagal hadir. Peringkat seterusnya ialah menguatkuasakan bayaran penalti bon itu, iaitu dengan meminta penjamin melakukan salah satu daripada dua perkara, iaitu samada membayar penalti itu atau menunjukkan sebab mengapa ia tidak sepatutnya dibayar iaitu penunjukkan sebab terhadap liabiliti untuk membayar penalti bon itu. Jika sebab ditunjukkan, penjamin terlepas daripada liabiliti untuk

membayar penalti itu dengan syarat sebab yang ditunjukkan itu mestilah sebab yang terjumlah kepada suatu alasan legal bagi mengelak daripada liabiliti itu.

[3] Namun begitu, walaupun penjamin gagal menunjukkan sebab mengapa penalti bon tidak patut dibayar, Mahkamah masih boleh menghapuskan atau pun remit mana-mana bahagian penalti itu di bawah s. 405(5) KPJ, berdasarkan kepada pertimbangan tentang bagaimana cermat dan berhati-hatinya penjamin dalam menawarkan dirinya sebagai penjamin dan dalam menunaikan kewajipannya sebagai penjamin dan sebab-sebab mengapa orang yang dijamin itu tidak hadir.

[4] Dalam kes ini tindakan atas bon diambil kerana ketidakhadiran tertuduh pertama pada 4 Jun 1992. Memandangkan kepada alasan-alasan rayuan dan juga hujah Peguam perayu, perayu nampaknya tidak mempertikaikan bahawa tertuduh telah gagal hadir tanpa sebab yang sah, dan oleh yang demikian, bon jaminan perayu dengan sendirinya menjadi lucuthak. Tentang samada perayu telah menunjukkan sebab mengapa penalti itu tidak patut dibayar, keterangan dan sebab-sebab yang diberi oleh perayu tidak boleh dianggap sebagai sesuatu yang terjumlah kepada sebab yang cukup untuk maksud itu. Dengan itu apa yang tinggal untuk pertimbangan Mahkamah ini hanyalah soal samada Hakim Sesyen berkenaan patut membuat suatu penghapusan daripada amaun penalti sebanyak RM 80,000 itu, memandangkan keterangan yang diberi perayu adalah inherently probable.

[5] Sebab-sebab yang diberikan oleh Hakim Sesyen untuk berkata bahawa perayu telah tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk mencari tertuduh adalah tidak kukuh. Dalam keseluruhan halkeadaan kes ini, suatu kadar penghapusan penalti mestilah dibuat di bawah s. 404(5) KPJ untuk memberi iktiraf kepada usaha-usaha yang dibuat oleh perayu untuk mencari tertuduh setelah beliau diberitahu tentang tarikh 4 Jun itu dan kepada sikap mengambil berat yang ditunjukkan olehnya walaupun terdapat juga keterangan bahawa perayu telah menerima tanggungjawab menjadi penjamin secara ringan sedangkan dia sepatutnya menyedari akan risikonya. Mengambil kira semua faktor dan keadaan adalah patut penalti bon jaminan perayu dikuatkuasakan setakat RM 60,000 sahaja.

[Rayuan dibenarkan sekadarnya].

Kes-kes yang dirujuk:
Valliamai v. Public Prosecutor [1962] 28 MLJ 280 ***(dirujuk)***
Datuk Haji Harun bin Haji Idris & Ors. v. Public Prosecutor [1978] 1 MLJ cliii ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Kanun Keseksaan, s. 489B
Kanun Prosedur Jenayah, ss. 393(1), (4), 404(1)(b), (5)

Bagi pihak pendakwa raya - Zabariah bt. Mohd. Yusof, Timbalan Pendakwa Raya
Bagi pihak perayu - T.K. Song; T/n. Murthy, Song & Partners

ALASAN PENGHAKIMAN

Abdul Aziz Bin Mohamad H:
Pada 1 Julai 1992, perayu, yang telah menandatangani satu bon jaminan, telah diperintahkan oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur supaya membayar RM80,000 penalti bon itu. Bon itu ialah untuk menjamin kehadiran di Mahkamah seorang rakyat Singapura yang dituduh, sebagai tertuduh pertama, bersesama dengan dua orang lain, seorang rakyat Singapura juga dan seorang lagi rakyat Macao, kerana kesalahan di bawah seksyen 489B Kanun Keseksaan, iaitu mengedar (**traffic**) wang kertas Amerika Syarikat palsu bernilai AS$296,900. Kesalahan itu adalah suatu kesalahan yang serius yang membawa hukuman maksimum dua puluh tahun penjara.

Ketiga-tiga tertuduh telah ditangkap pada 28 Februari 1990 dan telah dilepaskan atas jaminan dalam masa yang singkat selepas itu. Tertuduh pertama telah dilepaskan pada 1 Mac 1990 setelah dia dan perayu menandatangani bon jaminan itu. Bentuk bon jaminan itu nampaknya

adalah versi bahasa Malayu bagi Borang III dalam Jadual Kedua kepada Kanun Prosedur Jenayah. Dengan bon jaminan itu, perayu menjamin tertuduh pertama akan hadir di Mahkamah pada 6 hingga 11 Ogos 1990 dan akan terus hadir sehingga diarah selainnya oleh Mahkamah. Perayu selanjutnya berkata dalam bon itu:

> ... sekiranya ia mungkir di dalam perkara ini, saya dengan ini mengikat diri saya melucutkan hak wang saya kepada Yang di-Pertuan Agong sebanyak RM80,000.

Kalau mengikut bahasa Inggeris borang itu dalam Kanun Prosedur Jenayah, kata-kata itu ialah:

> ... in case of his making default therein, I hereby bind myself to forfeit to the Yang di-Pertuan Agong the sum of RM80,000.

Kes itu telah ditangguhkan beberapa kali dan tertuduh pertama telah hadir setiap kali sehingga 4 Jun 1992. Pada hari itu, Peguam bagi tertuduh pertama memberitahu Mahkamah bahawa tertuduh pertama tidak hadir walaupun firmanya telah menghantar surat kepadanya dan menelefon penjaminnya. Timbalan Pendakwa Raya pula memberitahu Mahkamah bahawa perayu tidak dapat menjumpai tertuduh pertama dan tidak mengetahui di mana dia berada pada masa itu. Sebelum itu, pada 6 Ogos 1990, tertuduh ketiga, iaitu rakyat Macao itu, telah gagal hadir di Mahkamah dan pada 1 November 1990 penjaminnya telah diperintah membayar penalti sebanyak RM65,000 daripada amaun bon RM80,000 juga. Mahkamah telah memerintahkan supaya waran tangkap dikeluarkan terhadap tertuduh pertama dan menetapkan 1 Julai 1992 untuk "penjamin memberi sebab ketidakhadiran tertuduh di Mahkamah".

Oleh kerana rekod rayuan tidak menunjukkan apakah yang telah berlaku sebelum 4 Jun 1992 tentang kehadiran tertuduh pertama, dan saya menyangka apa yang dimaklumkan kepada Mahkamah tentang itu oleh Peguam bagi perayu dari apa yang terdapat dalam failnya semasa rayuan ini didengar mungkin tidak tepat, saya telah mendapatkan dan mengkaji rekod-rekod asal Mahkamah Sesyen dan saya mendapati kedudukannya adalah seperti berikut.

Setelah beberapa kali tertuduh pertama menghadiri Mahkamah, pada 17 Jun 1991, dalam kehadiran tertuduh pertama, kes itu telah ditetapkan untuk dibicarakan pada 24 hingga 28 Februari 1992. Maka pada 17 Jun 1991 tertuduh pertama mengetahui dia dikehendaki hadir pada 24 Februari 1992. Pada 21 Februari, tiga hari sebelum tarikh perbicaraan itu, Peguam bagi tertuduh kedua, melalui surat, telah memohon tarikh perbicaraan baru kerana tertuduh kedua telah mengalami kemalangan. Maka pada 23 Februari, iaitu hari sebelum tarikh perbicaraan, kes itu telah disebut dalam kehadiran Peguam bagi tertuduh pertama dan kedua, tetapi tertuduh-tertuduh sendiri tidak hadir dan rekod tidak menunjukkan mereka telah diberitahu tentang tarikh itu. Pada tarikh sebutan itu, kes itu telah ditetapkan untuk dibicarakan pada 10 hingga 14 Ogos 1992.

Melainkan Peguamnya telah memberitahu tertuduh pertama pada 23 haribulan itu sendiri atau awal-awal pada 24 haribulan bahawa tarikh perbicaraan telah ditangguhkan ke 10 hingga 14 Ogos 1992, sehingga 24 Februari 1992 tertuduh pertama mungkin mengetahui bahawa dia perlu hadir di Mahkamah hanya pada 24 Februari 1992. Jika dia telah hadir di Mahkamah pada 24 haribulan, dia tentu akan diberitahu, setelah membuat pertanyaan, bahawa kes itu telah ditangguhkan perbicaraannya ke 10 hingga 14 Ogos 1992. Kalaupun pada 24 haribulan dia tidak berjaya mendapat pengesahan dari Mahkamah, dia sepatutnya menghubungi Peguamnya yang akan memberitahunya tentang tarikh baru itu.

Pada 11 Mac 1992, firma Peguam bagi tertuduh pertama menulis surat kepada Mahkamah di mana mereka berkata bahawa Peguam yang mengendalikan kes itu ada kes lain dalam tempoh 10 hingga 14 Ogos 1992 itu dan memohon tarikh sebutan untuk menetapkan tarikh perbicaraan yang lain. Pada 14 April Mahkamah menulis surat kepada firma Peguam itu untuk menetapkan 10 Jun 1992 untuk sebutan. Dalam suratnya, Mahkamah meminta Peguam memberitahu "pihak-pihak yang berkenaan". Salinan surat itu menunjukkan bahawa salinan-salinannya juga dihantar kepada tertuduh pertama dan kedua dan penjamin-penjamin mereka. Pada 30

April 1992, firma Peguam bagi tertuduh pertama menulis surat kepada Mahkamah untuk berkata bahawa tarikh sebutan 10 Jun 1992 itu tidak perlu lagi kerana Peguam yang mengendalikan kes itu dapat hadir pada 10 hingga 14 Ogos 1992 kerana dia tidak lagi dikehendaki hadir dalam kes yang lain itu. Tetapi Mahkamah, melalui surat bertarikh 19 Mei 1992, telah menetapkan tarikh sebutan pada 4 Jun 1992 dan membatalkan tarikh sebutan 10 Jun 1992 itu. Surat itu telah disalinkan kepada kedua-dua tertuduh pertama dan kedua dan penjamin-penjamin mereka dengan suatu nota meminta mereka hadir pada 4 Jun 1992. Apa yang berlaku pada 4 Jun 1992 sudahpun dinyatakan tadi. Kerana kegagalan tertuduh pertama hadir pada 4 Jun 1992lah yang tindakan terhadap perayu telah diambil. Pada tarikh itu, selain daripada memerintahkan supaya waran tangkap terhadap dikeluarkan terhadap tertuduh pertama dan notis dikeluarkan kepada penjamin, Mahkamah juga menetapkan tarikh perbicaraan pada 10 hingga 14 Ogos 1992, iaitu tarikh yang sama seperti yang telah ditetapkan sebelum itu. Pada tarikh perbicaraan itu, tertuduh kedua telah hadir tetapi tertuduh pertama tidak hadir. Atas permohonan pihak pendakwa, Mahkamah telah memerintahkan pelepasan yang tidak terjumlah kepada pembebasan (**discharge not amounting to acquittal**) bagi tertuduh pertama dan ketiga dan selepas itu perbicaraan terhadap tertuduh kedua telah dimulakan. Tertuduh kedua akhirnya telah disabitkan dan dihukum lima tahun penjara. Waran tangkap terhadap tertuduh pertama masih belum dapat disempurnakan.

Dalam prosiding terhadap perayu pada 1 Julai 1992, perayu telah memberi keterangan yang berikut.

Tertuduh pertama adalah abang kepada abang ipar perayu. Sebab itulah dia terpaksa menjamin tertuduh pertama. Wang jaminan telah diperolehi dari ibu bapa perayu dan dipinjam dari kawan-kawannya.

Tertuduh pertama tinggal bersama keluarganya di Singapura. Perayu tinggal di Kuala Lumpur tetapi bekerja di Singapura. Perayu kerap kali berhubung dengan tertuduh pertama.

Dua minggu sebelum 4 Jun 1992, perayu mengetahui tentang surat Mahkamah yang meminta tertuduh pertama hadir di Mahkamah pada 4 Jun 1992. Pada masa itu perayu berada di Singapura. Dia mendapat tahu dari ibunya yang telah menelefonnya dari Kuala Lumpur. Sebulan sebelum surat itu diterima, perayu ada bertemu dengan tertuduh pertama, tetapi apabila dia pergi untuk menemui tertuduh pertama di rumahnya di Singapura selepas mengetahui tentang surat Mahkamah itu, tertuduh pertama tidak ada di situ. Apabila perayu menyoal isteri tertuduh pertama, dia menjawab suaminya berada **outstation** tetapi dia tidak tahu di mana. Perayu telah pergi ke rumah tertuduh pertama empat kali dan telah menelefon ke rumahnya hampir setiap hari untuk bertanya. Pada 2 Jun 1992 dia telah balik ke Kuala Lumpur. Pada hari itu, sebelum dia bertolak ke Kuala Lumpur, dia telah pergi ke rumah tertuduh pertama sekali lagi, tetapi tertuduh pertama masih tidak ada. Perayu telah juga pergi ke balai polis di Singapura untuk membuat aduan, tetapi aduannya tidak diterima atas alasan bahawa perayu bukan ahli keluarga tertuduh pertama.

Selepas 4 Jun 1992, perayu berusaha lagi untuk mencari tertuduh pertama dan menelefon ke rumahnya. Pada 18 Jun 1992 dia telah memasukkan iklan dalam **Singapore Straits Times**. Dia berkata dia tidak memasukkan iklan sebelum 4 Jun 1992 kerana dia percaya tertuduh pertama akan datang balik dan tidak akan melenyapkan diri.

Hakim Mahkamah Sesyen yang berkenaan mendapati tidak ada keterangan bahawa perayu telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mencari tertuduh pertama. Beliau mendapati demikian kerana perayu tidak cuba memastikan di mana tertuduh pertama berada di **outstation** itu, kerana perayu telah memasukkan iklan hanya selepas, dan tidak sebelum, 4 Jun 1992, kerana isteri tertuduh pertama tidak dipanggil untuk memberi keterangan sokongan, dan kerana tingkah laku dan reaksi perayu di Mahkamah adalah tidak meyakinkan tetapi sebaliknya menunjukkan dia tidak bersungguh-sungguh dan tidak bimbang akan kehilangan wang jaminannya. Maka beliau telah membuat keputusan bahawa perayu telah gagal memberi sebab-sebab yang munasabah "mengapa wang jaminan tidak boleh dilucuthakkan".

Semasa menyampaikan keputusannya di Mahkamah, beliau ada memberitahu perayu bahawa beliau mendapati sukar untuk mempercayai perayu ada membuat aduan di balai polis tetapi laporannya tidak diterima. Saya tidak nampak mengapa hal itu sukar dipercayai. Jika perayu telah pergi ke balai polis itu dengan masalahnya sebagai seorang penjamin Malaysia untuk melaporkan tentang kemungkinan orang yang dijaminnya akan mengingkari bon jaminan Malaysia, pegawai polis di balai polis itu mungkin tidak tahu bagaimana hendak menangani masalah itu. Polis Singapura mungkin tidak ada kuasa untuk mencari tertuduh pertama untuk menangkapnya, melainkan mungkin atas permintaan polis Malaysia. Mungkin polis Singapura hanya boleh menguruskan masalah itu sebagai aduan orang hilang (**missing person report**), yang mana bukanlah aduan tentang orang yang hilang itu telah melakukan sesuatu yang salah, tetapi tentang sesuatu yang tidak baik mungkin telah berlaku kepada orang yang hilang itu, dan kes ini bukanlah kes seperti itu. Mungkin polis Singapura tidak melayan laporan orang hilang melainkan dari seseorang, seperti ahli keluarga, yang dapat menyakinkan mereka bahawa orang itu telah hilang dalam keadaan yang membimbangkan tentang keselamatan dirinya.

Adalah tidak jelas dari alasan penghakiman Hakim yang bijaksana itu sama ada beliau juga tidak mempercayai keterangan perayu tentang usaha-usaha lain yang dikatakan telah dilakukan untuk mencari tertuduh pertama, atau beliau mempercayai keterangannya tetapi mendapati usaha-usaha itu tidak memuaskan. Oleh kerana itu, dan oleh kerana keterangan perayu nampaknya adalah **inherently probable**, saya akan memutuskan rayuan ini atas anggapan bahawa keterangan perayu itu adalah benar.

Bon jaminan bagi kehadiran seseorang tertuduh di Mahkamah adalah sejenis perjanjian di mana penjamin menjamin bahawa tertuduh akan hadir di Mahkamah pada bila-bila masa dia dikehendaki berbuat demikian oleh Mahkamah dan mengikat dirinya akan melucuthak kepada kerajaan amaun bon itu jika tertuduh gagal hadir sebagaimana dijamin itu. Tanggungan lucuthak di bawah perjanjian itu adalah tanpa syarat, batasan atau kualifikasi. Asalkan tertuduh gagal hadir tanpa sebab yang sah, keseluruhan amaun bon itu menjadi lucuthak. Tidaklah menjadi syarat perjanjian itu bahawa tanggungan lucuthak keseluruhan amaun bon itu bergantung kepada sejauh manakah penjamin telah berusaha untuk memastikan kehadiran tertuduh. Asalkan tertuduh gagal hadir, penjamin, sebagaimana dia telah mengikat dirinya, akan lucuthak amaun bon itu. Itulah kedudukannya mengikut perjanjian itu.

Maka seseorang itu, apabila menjadi penjamin, mengambil ke atas dirinya suatu tanggungan yang amat berat dan suatu risiko yang besar. Orang yang dia menjamin adalah orang yang pihak polis percaya ada bukti dia telah melakukan sesuatu jenayah, biasanya jenayah yang serius. Oleh kerana itu, seseorang yang cermat seharusnya, sebelum bersetuju untuk menjadi penjamin, benar-benar yakin, dari pengetahuan peribadinya tentang orang yang hendak dijamin itu, bahawa dia tidak akan melarikan diri dan akan patuh kepada pengawasannya. Penjamin seharusnya juga memikirkan suatu cara untuk mengesan tertuduh dari semasa ke semasa supaya penjamin dapat sentiasa menilai sama ada tertuduh masih boleh dipercayai tidak akan melenyapkan diri, seperti meminta tertuduh menghubunginya secara berkala pada masa-masa tertentu. Dengan kata-kata lain, penjamin seharusnya pada setiap masa mempunyai cara untuk mengetahui tentang di mana tertuduh berada dan tentang gerak-gerinya. Jika selepas segala usaha penjamin itu, pun tertuduh membuat keputusan untuk melarikan diri, penjamin masih akan menerima padah dan dia bertanggungan lucuthak sepenuh amaun bonnya. Jika penjamin nampak apa-apa tanda yang membuatnya tidak senang hati tentang tertuduh, dia seharusnya dengan serta-merta memohon kepada Majistret di bawah s. 393(1) Kanun Prosedur Jenayah supaya membatalkan (**discharge**) bonnya atau dia boleh, jika dia mampu, menangkap tertuduh di bawah s. 393(4) dan membawanya ke hadapan Majistret.

Perjanjian dalam sesuatu bon jaminan dikuatkuasakan melalui s. 404 Kanun Prosedur Jenayah. Dalam hal bon untuk kehadiran di Mahkamah, sebagaimana dalam kes ini, s. 404(1)(b) berkata:

> Whenever ... it is proved to the satisfaction of that Court that such bond has been forfeited the Court shall record the grounds of such proof and may call upon any person bound by such bond to pay the penalty thereof or to show cause why it should not be paid.

Ada dua peringkat dalam peruntukan itu. Di peringkat pertama, Mahkamah mesti berpuashati ada bukti bon itu telah lucuthak. Menurut perjanjian dalam bon dalam Borang III Jadual Kedua kepada Kanun Prosedur Jenayah, bon itu menjadi lucuthak apabila tertuduh gagal hadir. Maka Mahkamah mestilah berpuas hati bahawa tertuduh telah gagal hadir pada masa yang dia mengetahui dia sepatutnya hadir. Apabila sahaja hal itu terbukti, terbuktilah bon itu telah lucuthak. Peringkat seterusnya ialah menguatkuasakan bayaran penalti bon itu, iaitu dengan meminta penjamin melakukan salah satu daripada dua perkara, iaitu samada membayar penalti itu atau menunjukkan sebab mengapa ia tidak sepatutnya dibayar. Penunjukan sebab itu ialah penunjukan sebab terhadap liabiliti untuk membayar penalti bon itu. Jika sebab ditunjukkan, penjamin terlepas daripada liabiliti untuk membayar penalti itu.

Sebab yang perlu ditunjukkan untuk terlepas daripada liabiliti untuk membayar penalti bon itu mestilah sebab yang terjumlah kepada suatu alasan legal bagi mengelak daripada liabiliti itu. Satu alasan seperti itu dapat dilihat dalam kes *Valliamai v. Public Prosecutor* [1962] 28 MLJ 280 di mana penjamin, sebelum tertuduh melenyapkan diri, telah pergi ke Mahkamah untuk memohon supaya dia dilepaskan sebagai penjamin tetapi pihak-pihak berkuasa Mahkamah gagal melayannya dengan sewajarnya. Sekiranya mereka telah melayannya sebagaimana sepatutnya, penjamin tentu telah berhenti daripada menjadi penjamin sebelum tertuduh melenyapkan diri. Oleh itu Mahkamah Tinggi, atas rayuan, telah mendapati bahawa perayu telah menunjukkan sebab mengapa penalti bon itu tidak patut dikuatkuasakan dan dia terlepas daripada membayar apa-apa penalti.

Tetapi, walaupun penjamin gagal menunjukkan sebab mengapa penalti bon itu tidak patut dibayar, dan dengan kegagalan itu kedudukan asasnya ialah bahawa penjamin bertanggungan membayar penalti itu sepenuhnya, Mahkamah boleh, di bawah s. 404(5), menghapuskan (**remit**) mana-mana bahagian penalti itu. Soal samada patut dibuat apa-apa penghapusan dan, jika patut, apakah amaunnya, mestilah, saya rasa, bergantung kepada pertimbangan tentang bagaimanakah cermat dan berhati-hatinya penjamin dalam menawarkan dirinya sebagai penjamin dan dalam menunaikan kewajipannya sebagai penjamin dan sebab-sebab mengapa orang yang dijamin itu tidak hadir.

Sebagaimana saya telah katakan tadi, bon untuk kehadiran di Mahkamah menjadi lucuthak apabila tertuduh yang dijamin itu gagal hadir di Mahkamah tanpa sebab yang sah. Dalam kes ini, tindakan atas bon itu diambil kerana ketidakhadiran tertuduh pertama pada 4 Jun 1992. Memandang kepada alasan-alasan rayuan dan setelah mendengar penghujahan Peguam bagi perayu, saya tidak fikir bahawa dalam rayuan ini perayu mempertikaikan bahawa tertuduh telah gagal hadir tanpa sebab yang sah dan, oleh yang demikian, bon jaminan perayu telah menjadi lucuthak. Misalnya, tidaklah dihujahkan bahawa tidaklah ada bukti tertuduh pertama mengetahui dia kena hadir pada 4 Jun 1992 dan, oleh yang demikian, dia tidak melakukan apa-apa keingkaran yang menjadikan bon itu, menurut terma-termanya, lucuthak. Sesungguhnya adalah tidak mungkin berhujah sedemikian. Salinan-salinan surat kepada Peguam telah dihantar kepada kedua-dua tertuduh pertama dan kedua dengan catatan meminta mereka hadir. Tertuduh kedua ada hadirpun pada 4 Jun. Mungkin ada keraguan tentang sama ada tertuduh pertama mengetahui tentang surat itu. Mungkin boleh ditegaskan bahawa tertuduh pertama hanya mengetahui dia kena hadir pada 24 Februari 1992, tetapi saya sudahpun menunjukkan bahawa, kecuali dia sudahpun melenyapkan diri atau berniat untuk melenyapkan diri, dia tentu akan mengetahui bahawa tarikh perbicaraan telah diubah kepada 10 hingga 14 Ogos. Mungkin juga ditegaskan bahawa, dengan mengetahui tarikh itu, dia mungkin telah pergi ke tempat lain dengan niat untuk hadir di Mahkamah hanya pada 10 Ogos 1992, dan kerana itu dia tidak mengetahui tentang surat yang memintanya hadir sebelum itu, iaitu pada 4 Jun. Tetapi hakikat bahawa dia tidak hadir juga pada 10 Ogos membuktikan bahawa halnya tidaklah begitu. Ini bukanlah suatu kes di mana tertuduh telah gagal hadir pada suatu tarikh kerana kecuaian, kesilapan tarikh atau sesuatu halangan. Ini adalah kes di mana tertuduh memang telah membuat keputusan untuk melenyapkan diri sama sekali dan itu mestilah telah berlaku sebelum 4 Jun 1992.

Rayuan ini sebenarnya ialah terhadap keengganan Hakim Mahkamah Sesyen itu mendapati bahawa penjamin telah berjaya menunjukkan sebab mengapa penalti bonnya tidak sepatutnya dibayar atau, sebagaimana yang dapat diimplikasikan dari alasan tentang lucuthak itu keterlaluan, terhadap keengganan Hakim itu menghapuskan sebahagian bon itu di bawah s. 404(5).

Tentang sama ada perayu telah menunjukkan sebab mengapa penalti itu tidak patut dibayar, pada pendapat saya keterangannya tidak membuktikan sesuatu yang terjumlah kepada sebab yang cukup untuk maksud itu.

Dengan itu, apa yang tinggal untuk pertimbangan saya hanyalah soal sama ada, sekiranya diterima bahawa keterangan perayu adalah benar, Hakim Mahkamah Sesyen itu sepatutnya membuat sesuatu penghapusan daripada amaun penalti sebanyak RM80,000 itu. Untuk memutuskan soal itu, perlulah ditimbang beberapa perkara tertentu yang **adverse** dan yang memihak kepada perayu.

Seperkara yang adverse kepada perayu adalah seperti berikut. Tiga orang tertuduh itu adalah rakyat asing, dua rakyat Singapura dan seorang rakyat Macao. Kesalahan yang mereka dituduh melakukan di Malaysia adalah kesalahan serius mengedar wang asing palsu. Ia adalah kesalahan yang biasanya melibatkan perhubungan dengan sesuatu sindiket, yang anggota-anggotanya mungkin orang-orang yang datang dari atau berada di negara-negara lain. Dalam kes ini, hal itu ternyata daripada kerakyatan ketiga-tiga tertuduh. Seseorang yang meniagakan wang asing palsu bolehlah dijangka berbuat demikian sebagai suatu kebiasaan. Dia bolehlah dijangka akan bergerak dari satu negara ke negara lain untuk menjalankan kegiatannya. Dalam kes ini, misalnya, ketiga-tiga rakyat asing itu telah datang ke Malaysia. Pada asasnya dia adalah seorang yang tidak lurus, yang bersifat penipu dan yang menjalankan urusannya senyap-senyap secara rahsia. Menjadi penjamin bagi orang seperti itu adalah suatu risiko. Pertimbangan taat setia kepada penjaminnya dan kepada bon jaminannya mungkin mudah diatasi oleh sifat curangnya dan peluang untuk melenyapkan diri. Dalam hal tertuduh pertama, jika setelah dia pulang ke Singapura dia tidaklah melenyapkan diri sama sekali, tetapi hanya enggan balik ke Malaysia untuk hadir di Mahkamah, pun mungkin tidak begitu mudah untuk mengatur supaya dia ditangkap dan dibawa balik ke Malaysia.

Berganding dengan risiko yang berbangkit dari sifat yang boleh dijangka tentang tertuduh pertama jika dia pengedar wang asing palsu ialah risiko yang berbangkit dari kedudukan perayu sendiri. Perayu ialah seorang perempuan yang tinggal di Kuala Lumpur tetapi pergi ke Singapura untuk bekerja. Perhubungannya dengan tertuduh pertama adalah melalui perkahwinan. Tertuduh pertama ialah abang kepada suami saudara perempuan perayu. Selain pertalian melalui perkahwinan itu, yang tidak semestinya mewujudkan perasaan **personal concern**, tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa perayu mungkin ada **personal concern** tentang nasib tertuduh pertama atau bahawa tertuduh pertama berada dalam kedudukan untuk menghormati perayu sebagai orang yang mempunyai pengaruh atau kuasa ke atasnya. Orang yang lebih sesuai dari segi itu untuk menjadi penjamin bagi tertuduh pertama ialah adiknya sendiri, iaitu suami kepada saudara perempuan perayu, tetapi tidaklah diketahui mengapa dia tidak menjadi penjamin. Dari jawapan perayu bahawa dia "patut" menjadi penjamin semata-mata "kerana ia abang kepada abang ipar saya", saya membuat kesimpulan bahawa perayu merelakan diri menjadi penjamin semata-mata kerana **familial chauvinism**, mungkin sebagai orang yang paling **convenient** untuk mengambil peranan itu.

Dengan mengambil kira semua faktor-faktor itu, saya berpendapat perayu telah membuat keputusan secara ringan, iaitu tidak dengan cermat dan berhati-hati, apabila dia bersetuju menjadi penjamin.

Tentang usaha perayu untuk mendapatkan kehadiran tertuduh pertama, dia telah membuat beberapa lawatan dan panggilan telefon ke rumah tertuduh pertama setelah menerima notis untuk tertuduh pertama hadir di Mahkamah, dia telah berusaha untuk membuat laporan polis di Singapura pada hari dia balik ke Kuala Lumpur, dan dia telah berusaha selanjutnya selepas 4 Jun untuk mencari tertuduh pertama, termasuklah memasukkan iklan dalam akhbar pada

18 Jun 1992. Usaha-usaha itu merupakan faktor yang memihak kepada perayu. Tentang pengiklanan pada 18 Jun itu, walaupun ia dilakukan selepas tarikh tertuduh pertama patut hadir di Mahkamah dan sesudah tertuduh pertama membuat keputusan untuk melenyapkan diri dan, oleh yang demikian, ia tidak akan berkesan untuk mendapatkan kehadiran tertuduh pertama, ia masih menjadi faktor yang memihak kepada perayu sebagai menunjukkan perayu mengambil berat akan tanggungjawabnya.

Tentang kegagalan perayu memasukkan iklan sebelum 4 Jun, yang Hakim Mahkamah Sesyen itu menganggap sebagai menunjukkan perayu kurang bersungguh-sungguh, perayu berkata dia tidak berbuat demikian kerana dia percaya tertuduh pertama akan kembali. Dia tidak berkata mengapa dia percaya begitu. Tentu sekali tidak kerana apa-apa yang isteri tertuduh pertama memberitahunya. Memanglah pada masa-masa lalu, dalam tempoh dua tahun, tertuduh pertama tidak pernah gagal hadir di Mahkamah, tetapi apa yang perayu diberitahu pada kali pertama dia pergi ke rumah tertuduh pertama sepatutnya telah menggoncang apa-apa keyakinan yang mungkin ada pada perayu tentang tertuduh pertama. Isteri tertuduh pertama memberitahu perayu bahawa tertuduh pertama telah pergi **outstation**, tetapi dia tidak tahu ke mana, kerana tertuduh pertama tidak memberitahunya. Ini adalah suatu peninggalan yang misteri yang sepatutnya telah merisaukan perayu bahawa tertuduh pertama mungkin akan melenyapkan diri, lebih-lebih lagi memandang kepada apa yang saya katakan tadi tentang sifat tertuduh pertama. Sekiranya perayu telah menjalankan pengawasan yang sepatutnya ke atas tertuduh pertama dengan cara yang saya sarankan tadi, misalnya dengan menekan kepadanya bahawa dia mesti sentiasa memberitahu perayu tentang di mana dia berada, perayu tentu akan nampak bahawa tertuduh pertama tidak lagi boleh dipercayai. Setelah mengetahui tertuduh pertama telah meninggalkan rumahnya tanpa meninggalkan alamat di mana dia akan berada, perayu tidak mempunyai alasan untuk mempercayai dia akan pulang. Perayu sepatutnya dengan serta-merta nampak risiko yang dihadapinya, dan langkah yang sepatutnya baginya ialah pulang ke Kuala Lumpur serta-merta dan memohon supaya jaminan dibatalkan atas alasan bahawa tertuduh pertama telah meninggalkan alamatnya tanpa memberitahu di mana dia berada.

Tetapi saya tidak fikir bahawa kegagalan untuk memohon pembatalan bon jaminannya patut, dalam hal-hal keadaan kes ini, dikira sebagai suatu faktor yang **adverse** kepada perayu. Dari segi usaha mencari dan menangkap tertuduh pertama oleh pihak berkuasa, langkah seperti itu oleh perayu tidak mungkin membawa perbezaan yang besar jika tertuduh pertama sudahpun melenyapkan diri, kerana saya fikir secepat-cepatnya waran tangkapan boleh dikeluarkan setelah bon jaminan dibatalkan ialah tujuh hari lebih awal sahaja daripada tarikh ia sebenarnya telah dikeluarkan dalam kes ini, jika Mahkamah dibenarkan beberapa hari untuk melupuskan permohonan pembatalan oleh perayu.

Saya tidak fikir bahawa kegagalan perayu memasukkan iklan sebelum 4 Jun patut digunakan terhadap perayu. Saya tidak fikir bahawa sesuatu iklan, dalam hal-hal keadaan kes ini, boleh menjadi berkesan untuk mendapatkan kehadiran tertuduh pertama pada 4 Jun.

Saya tidak fikir bahawa sebab-sebab yang diberi oleh Hakim Mahkamah Sesyen itu untuk berkata bahawa perayu tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk mencari tertuduh pertama adalah kukuh. Tentang perayu tidak mencuba mendapat tahu di mana tertuduh pertama berada, pandangan saya ialah bahawa perayu tidak ada cara untuk mendapat tahu. Malah isteri tertuduh pertama sendiripun, menurutnya, tidak mengetahui. Tentang kegagalan perayu memasukkan iklan sebelum 4 Jun, saya sudahpun menyatakan pandangan saya. Tentang isteri tertuduh pertama tidak dipanggil untuk memberi keterangan sokongan, ianya adalah relevan kepada soal kebolehpercayaan keterangan perayu dan tidak kepada soal kurang usaha mencari tertuduh pertama. Tentang tingkah laku perayu di Mahkamah, sebagaimana digambarkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen itu, saya tidak fikir adalah mudah membuat kesimpulan dari kelakuan sedemikian bahawa perayu tidak bersungguh-sungguh mencari tertuduh pertama.

Saya fikir suatu kadar penghapusan penalti mestilah dibuat di bawah s. 404(5) untuk memberi iktiraf kepada usaha-usaha yang dibuat oleh perayu untuk mencari tertuduh pertama setelah

diberitahu tentang tarikh 4 Jun itu dan kepada sikap mengambil berat yang perayu telah tunjukkan untuk mencari tertuduh pertama dengan memasukkan iklan dalam akhbar selepas itu apablia dia gagal hadir pada tarikh itu. Walaupun perayu telah menerima tanggungjawab menjadi penjamin secara ringan sedangkan dia sepatutnya menyedari akan risikonya, dan walaupun dia mungkin telah gagal mengatur suatu cara bagi mengesan, dari semasa ke semasa, di mana tertuduh pertama berada dan telah gagal bertindak tegas setelah pertama kali mengetahui tertuduh pertama telah pergi **outstation** tanpa meninggalkan alamat perhubungan, namun begitu saya tidak fikir adalah betul tidak mempedulikan langsung usaha-usaha yang perayu telah lakukan dan kebimbangan dan sikap mengambil berat yang dia telah tunjukkan.

Dalam kes *Datuk Haji Harun bin Haji Idris & Ors. v. Public Prosecutor* [Federal Court Criminal Appeals Nos. 19 of 1976 and 11 of 1977] [1978] 1 MLJ cliii, Mahkamah Persekutuan, dalam hal seorang penjamin yang "at least ... made some effort and ... came to the Court and was apologetic", telah memerintahkan penjamin itu membayar RM50 ribu, iaitu separuh daripada penalti bon sebanyak RM100 ribu. Kes itu bukanlah kes di mana orang yang dijamin itu telah lenyap sama sekali.

Dalam kes ini tertuduh pertama telah lenyap sama sekali dan terdapat faktor yang **adverse** terhadap perayu. Saya fikir penghapusan sebanyak RM20 ribu adalah patut.

Saya membenarkan rayuan ini setakat memerintahkan bahawa penalti bon jaminan perayu dikuatkuasakan setakat RM60 ribu sahaja.